



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: www.eaic.gov.my

PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

PENUBUHAN PASUKAN PETUGAS (*TASK FORCE*) SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN BERHUBUNG KEMATIAN DALAM TAHANAN POLIS DI RAJA MALAYSIA

5 Jun 2013 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan melalui Mesyuarat Ahli-ahli Suruhanjaya pada 28 Mei 2013 telah memutuskan bahawa selaras dengan fungsinya di bawah Seksyen 4 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*] dan demi kepentingan awam, suatu penyiasatan di bawah Seksyen 28 Akta 700 hendaklah dimulakan ke atas kematian 2 orang tahanan semasa berada dalam jagaan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Siasatan akan dibuat ke atas kematian N. Dharmendran yang meninggal dunia pada 21 Mei 2013 dan R. James Ramesh yang meninggal dunia pada 26 Mei 2013.

Untuk itu satu Pasukan Petugas (*task force*) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 17 Akta 700 untuk menyiasat kedua-dua kematian tersebut yang diketuai oleh Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, Datuk Heliliah Mohd Yusof.

-TAMAT-

NOR AFIZAH HANUM MOKHTAR

Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan
5 Jun 2013